

10/03/2004

Megat Junid serah kepada PM tentukan kedudukan

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti sama ada mencalonkannya untuk bertanding pada pilihan raya umum ini.

Megat Junid yang tewas kepada calon Pas, Mat Basir Rahmat di Parlimen Parit, Perak, pada pilihan raya umum 1999, berkata perkara menentukan calon adalah hak Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tidak terlalu mengharap," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku Info Pemuda di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Buku setebal 178 halaman itu yang membentangkan pelbagai fakta, hujah dan perangkaan bertujuan memberi gambaran sebenar mengenai pelbagai isu dan perkara penting dalam bidang agama, ekonomi, sosial, pendidikan, politik dan isu semasa.

Ia akan membantu Kor Penceramah, Pemuda Umno mengupas isu semasa secara tepat dan berkesan.

Dalam ucapannya, Megat Junid menasihatkan jentera ceramah Pemuda Umno supaya melaksanakan tugas secara profesional dan mengelak daripada terbabit dalam pergaduhan untuk memastikan kelancaran kempen pilihan raya.

Beliau berkata kemungkinan akan ada orang yang hendak melakukan sabotaj dengan pelbagai cara untuk mencemarkan pilihan raya akibat cemburu kesepaduan dalam Barisan Nasional (BN).

Katanya, Perdana Menteri sendiri memberi penekanan supaya pilihan raya berjalan licin.

"Tugas Pemuda cukup besar, untuk memastikan pilihan raya bersih daripada kaca mata masyarakat negara ini dan dunia.

"Oleh itu Pemuda mesti buat kerja rumah dan tahu maklumat setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen di hujung jari serta kekuatan dan kelemahan BN serta pembangkang supaya tidak berlaku perkara yang boleh mencemarkan pilihan raya," katanya.

Megat Junid berkata, semua pihak mesti mengelakkan daripada kemungkinan berlaku kekasaran atau pergaduhan dan menerima keputusan kemenangan atau kekalahan kerana ia adalah adat pertandingan.

Katanya, janganlah ada pihak yang cuba menyekat kebebasan hak rakyat dengan menahan mereka supaya tidak dapat mengundi.

Pada sidang medianya, beliau berkata, Pemuda Umno mesti mengambil berat hal logistik seperti memastikan bilangan kenderaan serta penceramah mencukupi.

Beliau turut percaya pengundi, khususnya golongan muda menerima baik kepemimpinan Abdullah sebagai Perdana Menteri dan memberi sokongan kepada BN.

Katanya, peralihan pucuk pimpinan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah berjalan baik dan pelantikan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri juga diterima baik semua golongan.

Mengenai laporan ada Umno bahagian tidak berpuas hati dengan calon dari komponen BN tertentu, beliau berkata, semua pihak mesti menerima konsep perkongsian kuasa BN.

"Kita kena terima hakikat itu, dan kalau tidak MIC tidak akan mendapat satu kerusi kerana pengundi India dalam satu kawasan adalah 21 peratus. Kerana semangat perkongsian kuasa, kita memberi laluan (kepada MIC)," katanya.